

24 JUL 2003

ASLI-PUTIN/I

PUTIN AKAN SAMPAIKAN UCAP TAMA DI FORUM PERNIAGAAN DI SINI

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Presiden Russia, Vladimir Putin akan menyampaikan ucap tama di Forum Perniagaan Malaysia-Russia di sini pada 5 Ogos, 2003.

Forum perniagaan itu dianjurkan bersama oleh Institut Kepimpinan Strategik Asia (ASLI), Russia-Asean Cooperation Fund dan Kedutaan Russia, kata ASLI dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Kedua-dua Putin dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga akan menganjurkan sesi dialog dengan perwakilan selepas ucap tama presiden.

Menurut kenyataan itu, perwakilan Russia akan menghadiri Forum Perniagaan yang ketuai oleh Dr Vladimir Sautov, pengerusi Russia-Asean Cooperation Fund.

Bersempena dengan lawatan Putin ke Malaysia, mesyuarat majlis bersama Majlis Perniagaan Malaysia-Russia juga akan diadakan pada 4 Ogos, 2003.

Kedua-dua Forum Perniagaan dan Majlis Perniagaan itu akan menumpu untuk meningkatkan perkongsian strategik antara Malaysia dan Russia dalam sektor utama seperti penerbangan dan aero angkasa, perkhidmatan perbankan dan kewangan, sains dan teknologi, perubatan, perdagangan dan pelaburan dua hala. -- BERNAMA

SHO KTC ZK